



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
~~KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA~~ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Fax : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPMSP.100-1/7/2 (22)

Tarikh: 7 hb. Mac 2016

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2016**

PERINGATAN PELAKSANAAN BEKERJA LIMA HARI SEMINGGU

Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 2005 telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 Tahun 2005: Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu** yang antara lain bertujuan untuk memantapkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan serta menggalakkan budaya pembelajaran berterusan dan pembangunan diri sepanjang hayat. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2005: Pelaksanaan Bekerja Lima Hari Seminggu**, bagi memperjelaskan pelaksanaannya di semua institusi di bawah pentadbiran KPM.

2. Kebelakangan ini, KPM masih menerima rungutan khususnya oleh guru-guru di sekolah yang memaklumkan bahawa pihak jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) serta sesetengah pengetua dan guru besar masih tidak mematuhi arahan tersebut.

3. Sehubungan itu, KPM ingin menegaskan semula kepada semua pihak yang terlibat, bahawa pelaksanaan bekerja lima hari seminggu seperti yang termaktub dalam SPI Bil. 8/2005 hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Dalam hal ini pihak JPN, PPD serta pengetua dan guru besar hendaklah menyelaraskan pelaksanaan program, aktiviti termasuk mesyuarat yang melibatkan guru-guru di peringkat masing-masing. Bagi tujuan penyelarasan pelaksanaan program, aktiviti dan mesyuarat tersebut, hari Sabtu yang dibenarkan ialah hari Sabtu minggu kedua dan minggu keempat sahaja. Tiada sebarang aktiviti, program atau mesyuarat dibenarkan untuk dijalankan pada hari Sabtu minggu pertama, minggu ketiga dan minggu kelima.

4. Pihak pengurusan JPN, PPD dan sekolah perlu memastikan arahan di perenggan 3 dan juga **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2005: Pelaksanaan Bekerja Lima Hari Seminggu** yang sedang berkuatkuasa dipatuhi sepenuhnya.

5. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dimohon untuk memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' HAJI AHMAD TAJUDIN BIN JAB
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,
Sektor Operasi Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
9. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
10. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia